

Headline	2 kawasan hab halal dibuka		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	17 Jun 2012	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	297,950
Page No	43	Readership	2,476,000
Language	Malay	ArticleSize	159 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	MY 2,789
Frequency	Daily	PR Value	MY 8,367



2 kawasan hab halal dibuka

Tumpu produk kelapa sawit, ternakan

Oleh Syed Mohd Ridzuwan
Syed Ismail
smohd@bharian.com.my

PASIR GUDANG: Dua kawasan hab halal di Tanjung Langsat dan Sedenak, dekat sini, akan dibuka di negeri ini dalam usaha mengembangkan perusahaannya produk halal.

Timbalan Presiden Bahagian Pembangunan Perniagaan, Johor Corporation Berhad (JCorp), Abdul Rahman Sulaiman, berkata hab halal berkeluasan 100 hektar di Kawasan Perindustrian Tanjung Langsat itu menumpukan kepada produk hiliran berkaitan kelapa sawit dijangka mula beroperasi akhir tahun ini.

Katanya, pembukaan hab halal di Sedenak yang membabitkan kawasan seluas 800 hektar masih dalam peringkat perancangan bagi membangunkan produk makanan berasaskan ayam, lembu dan jagung.

“Hasil industri ini dijangka terus berkembang dan memberikan pulangan jutaan ringgit setiap tahun apabila Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) membuka hab halal di Pusat Industri Berasaskan Kelapa Sawit (POIC) di Kawasan Perindustrian Tanjung Langsat di sini menjelang akhir tahun ini.

“Manakala, di Sedenak ternakan ayam, lembu dan jagung yang beroperasi sejak tiga tahun lalu memberi ruang besar kepada industri makanan halal menghasilkan produk daripada komoditi terbabit,” katanya pada sidang media Seminar Kesedaran dan Pembangunan Halal Negeri Johor 2012 di Pasir Gudang di sini, semalam.

Seminar anjuran Jabatan Agama Johor (JAJ) dan Majlis Perbandaran Pasir Gudang dengan Kerjasama Universiti Putra Malaysia itu bertujuan menjelaskan isu berhubung Sijil Halal Malaysia dan penguatkuasaan Akta Perihal Dagangan 2011. Majlis dirasmikan Pengarah JAJ, Datuk Abdul Razak Hassan.

Abdul Rahman berkata, industri pengeluaran makanan halal di POIC menumpukan kepada pengeluaran makanan berasaskan kelapa sawit seperti roti dan kuih dijangka dapat memenuhi permintaan pelanggan tempatan dan dieksport ke pasaran Timur Tengah.

“Sehingga kini sambutan industri makanan di PIOC memberangsangkan. Pada masa sama, kita turut mengalu-alukan pengeluar makanan lain untuk turut serta kerana mereka yang menjalankan perniagaan di sini layak menerima pelbagai insentif,” katanya.